



## MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

### KENYATAAN TAWARAN

#### **CADANGAN MENYEWAWA, MENGUSAHA DAN MENGURUS KOMPLEKS PERLANCONGAN GUA GENDANG, KAMPUNG TASEK, MUKIM BELUKAR SEMANG, PENKALAN HULU PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera yang berkeupayaan dari segi kewangan serta berpengalaman dalam bidang perlancongan dan yang masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini untuk menyertai tawaran seperti di atas.
2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mengemukakan permohonan yang lengkap berdasarkan syarat-syarat am seperti di lampiran.
3. Kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertulis tajuk dan nombor tawaran serta hendaklah dialamatkan kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU  
JALAN PADANG  
33100 PENKALAN HULU  
PERAK DARUL RIDZUAN

4. Kertas cadangan hendaklah diserahkan sebelum atau pada **30 April 2013, jam 12.00 tengahari**. Syarikat yang disenarai pendek akan dipanggil untuk taklimat dan pembentangan lanjut cadangan yang dikemukakan. Majlis Daerah Pengkalan Hulu tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran dan keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pengkalan Hulu

Tarikh: 11 Mac 2013

## SYARAT-SYARAT AM

Syarikat dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila mengemukakan kertas cadangan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh syarikat **DITOLAK**

### **1. KELAYAKAN SYARIKAT**

- 1.1 Terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf BUMIPUTERA yang berkeupayaan dari segi kewangan dan pengalaman terutama dalam bidang pelancongan.
- 1.2 Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang terperinci dan lengkap berhubung dengan **Cadangan Menyewa, Mengusaha dan Mengurus Kompleks Perlancongan Gua Gendang, Mukim Belukar Semang, Pengkalan Hulu** beserta dengan Borang Profil Syarikat dan Borang Pengalaman Syarikat. Berikut adalah maklumat-maklumat yang perlu disertakan di dalam kertas cadangan tersebut:-

#### **1.2.1 Maklumat lengkap cadangan**

- Pendahuluan / latar belakang cadangan
- Tujuan
- Objektif
- Pengurusan syarikat
- Pengalaman syarikat
- Komponen pembangunan
- Strategi dan promosi
- Tarikan pelancong dan golongan sasaran
- Isu dan masalah

#### **1.2.2 Kedudukan kewangan**

- Penyata kewangan syarikat ( 3 bulan terakhir )
- Kos operasi
- Kos penyelenggaraan
- Sumber pembiayaan ( sertakan sokongan pembiayaan )
- Cadangan kadar sewa kepada pengunjung

## **2. LAWATAN TAPAK**

- 2.1 Pihak Majlis telah menetapkan kepada pihak yang berminat untuk melawat kompleks berkenaan pada:-

Tarikh : 10 April 2013

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Berkumpul di Perkarangan Pejabat Majlis

- 2.2 Pihak yang terlepas tarikh lawatan bolehlah datang sendiri untuk lawat tapak pada bila-bila masa waktu berkerja sebelum tamat tempoh tawaran.

## **3. DOKUMEN TAWARAN**

- 3.1 Kertas cadangan yang telah lengkap hendaklah dijilidkan ( comb binding ) kemas dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertulis tajuk cadangan dan dialamatkan kepada:

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pengkalan Hulu  
33100 PENKALAN HULU  
Perak Darul Ridzuan

- 3.2 Tarikh tutup tawaran ini adalah pada atau sebelum 30 April 2013, jam 12.00 tengahari.